

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 JULAI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

'Rakyat Malaysia masih bahagia'

'Rakyat Malaysia masih bahagia'

Labuan rekod skor tertinggi iaitu Sangat Bahagia diikuti Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka dan Selangor

PUTRAJAYA

Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) pada tahun 2021 di kedudukan Bahagia apabila mencatatkan skor 6.48.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin memaklumkan, hasil laporan MHI yang julung kali dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), mendapati Labuan merekodkan skor 9.29 iaitu 'Sangat Bahagia', manakala 11 negeri berserta Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan skor pada tahap 'Bahagia', dan Melaka serta Selangor pula berada pada tahap Sederhana Bahagia.

"Secara keseluruhannya penduduk Malaysia berada pada tahap bahagia walaupun negara berhadapan cabaran pandemik Covid-19 dan krisis ekonomi, sewaktu pelaksanaan Survei MHI 2021," kata Mohd Uzir dalam sidang akhbar selepas melancarkan Laporan MHI itu di sini pada Jumaat.

Laporan MHI itu dilaksanakan dari September hingga November 2021, melibatkan 42,446 responden seluruh nega-



Mohd Uzir melancarkan Laporan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2021 di Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya pada Jumaat.

ra dan dibangunkan berdasarkan manual antarabangsa antaranya, *World Happiness Report* (WHR) dan *Human Development Index* (HDI).

Kajian yang dilaksanakan untuk mengukur tahap kebahagiaan penduduk Malaysia dari aspek fizikal, sosial, emosi dan spiritual itu dikategorikan kepada lima skor iaitu nilai 0.00-2.00 sangat tidak bahagia; 2.01-4.00 tidak bahagia; 4.01-6.00 sederhana bahagia; 6.01-8.00 bahagia dan 8.01-10.00 sangat bahagia.


Mohd Uzir berkata, kajian MHI itu mengandungi 73 indikator yang dirangkumkan kepada 13 komponen iaitu keluarga; perumahan dan alam sekitar; pe-

nyertaan sosial; kesihatan; kemudahan komunikasi; pendidikan; persekitaran kerja; pendapatan; keselamatan awam; penggunaan masa; amalan kerohanian; kebudayaan dan pengalaman emosi.

Beliau berkata, sejumlah 13 komponen berada di tahap Bahagia dengan mencatatkan skor antara 6.04 hingga 7.23 seperti keluarga dengan skor 7.23, amalan kerohanian (7.21) dan kesihatan (6.75).

Katanya, skor MHI mengikut strata bandar dan luar bandar di Malaysia berada pada tahap Bahagia iaitu masing-masing pada skor 6.46 dan 6.54.

Dari segi jantina, perempuan mencatatkan skor MHI lebih



tinggi iaitu 6.49 berbanding lelaki dengan skor 6.46.

Mohd Uzir berkata, berdasarkan laporan MHI itu, skor antara warganegara dan bukan warganegara tidak jauh berbeza dengan masing-masing mencatat skor 6.49 dan 6.32.

"... maknanya mereka (bukan warganegara) juga dapat menjalani kehidupan seperti rakyat negara kita. Ini satu penemuan menarik yang boleh kita tunjukkan dengan negara lain, bahawa dari segi Indeks Kebahagiaan antara warganegara dan bukan

warganegara tiada elemen diskriminasi," katanya.

Beliau berkata, di peringkat antarabangsa, Malaysia menduduki tangga ke-79 daripada 146 negara dengan skor 5.384 dalam laporan *World Happiness Report 2021*.

Tambahnya, MHI itu penting sebagai input dalam penilaian tahap kebahagiaan rakyat Malaysia di peringkat nasional dan negeri yang dapat digunakan dalam mencapai kemakmuran dan masyarakat yang inklusif. - Bernama